

Pemuda UMNO sokong tangguh pemilihan parti

Oleh FAUZI JAAFAR

KUALA LUMPUR 2 Okt - Pergerakan Pemuda UMNO sebulat suara menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) menangguhkan pemilihan pucuk pimpinan parti sehingga selepas pilihan raya umum.

Malah sayap kanan parti UMNO itu akan menggunakan penangguhan tersebut untuk memperkuatkan lagi jentera Pergerakan Pemuda.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, keputusan MT tersebut merupakan satu petanda dan kehendak pucuk pimpinan untuk memberi tumpuan agenda nasional dan persiapan bagi pilihan raya akan datang.

"Apa yang kita bincang hari ini ialah usaha-usaha meningkatkan pendaftaran pengundi Pergerakan Pemuda UMNO kerana jumlah ahli pemuda yang belum berdaftar telah lebih 200,000 orang," katanya di sini, hari ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengekusikan Mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda UMNO di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini beliau berkata, usaha sedang dibuat untuk mengurangkan jumlah ahli yang tidak berdaftar.

Beliau juga mahu masalah anggota pergerakan itu yang belum berdaftar sebagai pemilih dengan Suruhanjaya Pilihan Raya, diatasi segera dengan bantuan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri-Negeri.

Sebelum ini Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan keputusan MT untuk menangguhkan pemilihan parti selepas pilihan raya umum.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak kemudiannya meminta anggota UMNO yang berkempen untuk mendapat tempat dalam parti supaya menghentikan perbuatan itu berikutan keputusan MT menangguhkan pemilihan sehingga selepas pilihan raya umum.

Hishammuddin menyifatkan keputusan MT itu juga sangat melegakan dan tidak perlu dijadikan isu yang boleh memecah-belahkan ahli Pemuda terutamanya di kalangan Exco sedia ada.

Pada sidang akhbar itu juga beliau berkata, mesyuarat Exco Pemuda UMNO turut berbincang mengenai kandungan ucapan dasar pergerakan untuk disampaikan pada Perhimpunan Agung UMNO November ini.

Menjawab satu soalan yang dikemukakan, beliau berkata mesyuarat turut membincangkan usaha Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang mengatur pertemuan dengan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon bagi membincangkan masalah

Melayu di negeri itu.

"Namun, isu kedudukan orang Melayu dan kepimpinan Ketua Menteri Pulau Pinang, sudah reda sekarang. Saya harap bulan Ramadan ini pertemuan itu akan dapat dilaksanakan.

"Saya berhubung secara langsung dengan Ketua Menteri, dan Ketua Pemuda Pulau Pinang juga melaporkan bahawa keadaan bertambah baik," katanya.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran menegaskan agenda utama kini ialah untuk membela mereka yang dianggap terpinggir, tanpa mengira

kaum, agama dan latar belakang, di Pulau Pinang.

Selepas mesyuarat itu, Hishammuddin turut dan barisan Exco turut berbuka puasa bersama 187 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Darul Kifayah dan Rumah Penyayang Nur di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ia turut dihadiri Ketua Pergerakan Pemuda MCA Datuk Liow Tiong Lai; Ketua Pemuda MIC, S. Vigneswaran; Ketua Pemuda Gerakan, Datuk Mah Siew Keong dan beberapa pemimpin Pemuda parti komponen BN.